

Adik, kakak saling beri dorongan hingga jaya genggam ijazah SUSS

► FARID HAMZAH
farid@sph.com.sg

IBARAT berkorban air mata, darah dan keringat.

Itulah kata-kata yang sesuai dikaitkan dengan pengalaman Cik Sabariah Mohamed Osman sepanjang tempoh lima tahun beliau bergelar 'penuntut sambilan' sebelum akhirnya berjaya menggenggam segulung ijazah.

Apakan tidak beliau memikul tugas sebagai pelajar, pekerja yang mempunyai kerjaya sepenuh masa pada siang hari, selain memikul tanggungjawab sebagai ibu kepada seorang anak yang masih kecil.

Tetapi yang lebih mencabar baginya ialah pengalaman pahit bergelar ibu tunggal di peringkat awal beliau memulakan pengajiannya.

Tidak hairanlah ketika itu beliau pernah beberapa kali ingin menarik diri daripada pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains (Perniagaan) yang diikuti di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS).

Mujur kakaknya, Cik Sabrina Mohamed Osman, 39 tahun, yang juga penuntut sambilan di SUSS ketika itu, tidak henti-henti memberinya galakan.

"Tuhan sahaja yang tahu apa sebenarnya yang saya lalui ketika itu.

"Memang terlalu sukar untuk saya terangkan cabaran tersebut.

"Mujur saya ada kakak yang turut belajar sama. Beliau yang banyak bantu beri dorongan bila saya perlukan, selain mendapat sokongan kuat majikan saya," katanya lagi yang juga lulusan jurusan Kejuruteraan Elektronik di Politeknik Temasek (TP).

Menceritakan pengalamannya itu, Cik Sabariah, 34 tahun, yang juga anak bongsu tiga beradik, berkata bahtera mahligai yang dibina pada 2008 hancur musnah dalam tempoh kurang lima tahun akibat masalah peribadi.

Namun beliau hanya bercerai secara rasmi pada 2015.

"Bayangkan semasa rumah tangga mulai retak, anak saya hanya berusia tiga tahun.

"Saya pula baru mulakan pengajian.

"Saya pernah beberapa kali ingin menarik diri daripada pengajian, tapi keluarga terutamanya kakak saya nasihatkan saya agar tidak berbuat demikian, apatah lagi saya telah pun bergelar ibu tunggal.

"Saya kuatkan diri dan syukur selepas lima tahun, tamat juga pengajian ini," jelasnya dengan nada tenang.

Kini beliau boleh menarik nafas lega kera-



PELBAGAI DUGAAN: Cik Sabariah (*kiri*) menghadapi pelbagai dugaan dalam tempoh lima tahun sebelum berjaya menggenggam segulung ijazah. Di sebelahnya ialah kakaknya, Cik Sabrina. – Foto BH oleh CHONG JUN LIANG

na telah selesai pengajian dan baru-baru ini dinaikkan pangkat sebagai pegawai perhubungan pelanggan oleh majikannya.

Kakaknya, Cik Sabrina yang merupakan ibu dua anak remaja, berasa puas – bukan sahaja beliau tamat pengajian, tapi melihat adiknya sama-sama meraih ijazah sarjana muda bersamanya.

"Cabaran saya ialah mengimbangi antara tugas sebagai guru, dan ibu dua anak yang masih di sekolah.

"Selepas pulang mengajar, saya pergi ke kelas sekitar dua kali seminggu, dan sekembali saya ke rumah sekitar 11 malam, perlu periksa kerja rumah para pelajar.

"Mujur ada juga adik saya, yang masih sempat beri saya dorongan, meskipun beliau berhadapan dengan banyak cabarannya sendiri," ujar guru Bahasa Inggeris di sebuah sekolah rendah itu lagi yang juga anak kedua dalam keluarga mereka.

Cik Sabrina menerima Ijazah Sarjana Mu-

da Kesusasteraan (Inggeris dengan Perniagaan).

Beliau pernah bekerja dalam bidang sumber manusia selama beberapa tahun, tapi kemudian memilih untuk beralih ke bidang pendidikan kerana ingin memenuhi impiannya untuk menjadi guru sejak sekian lama.

"Sepanjang lima tahun itu, saya dan adik saya beberapa kali belajar sama, dan bila ada kelas pada hari yang sama kami ke

sekolah bersama.

"Di situ saya lihat sendiri adik saya beberapa kali menangis kerana cabaran yang dilaluinya.

"Cabarannya memang hebat sekali. Namun saya rasa syukur sekali, kerana segala air mata yang mengalir membuahkan hasil juga akhirnya," kata beliau.

Kedua adiknya beradik itu menerima ijazah SUSS mereka di bangunan universiti tersebut semalam